

Terima permintaan tinggi bulan Ramadan

PERSATUAN Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis) satu-satunya organisasi yang telah diamanahkan oleh penyalin pertama al-Quran Braille dalam bentuk *soft copy*, Muhammad Lee Abdullah, bagi melaksanakan penerbitan dan percetakan al-Quran Braille bermula sekitar 1998.

Al-Quran Braille tersebut telah disahkan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia serta mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri.

Lebih penting, al-Quran yang diterbitkan oleh Pertis bukan sahaja digunakan di Malaysia, bahkan turut diedarkan ke negara-negara seperti

Thailand, Singapura, Brunei, Afrika Selatan, Bangladesh, Kazakistan serta beberapa negara lain.

Menurut Timbalan Yang Dipertua Pertis, **Zamzuri Ghani**, 40, setiap kali tiba bulan Ramadan, persatuan banyak menerima tempahan al-Quran Braille termasuk untuk diedarkan kepada golongan OKU seluruh negara, selain disumbangkan kepada masjid-masjid atau mereka yang memerlukan.

Jelasnya, al-Quran Braille dijual pada harga RM200 dan lazimnya untuk ahli Pertis atau golongan OKU cacat penglihatan, naskhah terbitan diberi percuma.

"Lazimnya, syarikat korporat

akan menempah al-Quran ini untuk disumbangkan kepada mereka yang layak dan sememangnya itulah harapan Pertis untuk memberikan senaskhah al-Quran percuma untuk orang buta agar mereka celik al-Quran.

"Kita berharap, Ramadan kali ini lebih banyak OKU cacat penglihatan menerima al-Quran Braille secara percuma. Kita mengharapkan lebih ramai dapat menaja pemberian al-Quran ini agar golongan tersebut dapat sama-sama mengimarahkan bulan Ramadan.

Tambah beliau, setiap kali tiba bulan Ramadan kira-kira 100 hingga 200 buah al-Quran perlu dicetak selain buku-buku keagamaan serta bahan bacaan

berbentuk pendidikan kepada kanak-kanak.

Dalam pada itu, Zamzuri turut memaklumkan Pertis membuka kelas mengaji al-Quran untuk ahli-ahlinya pada setiap hari Sabtu atau Ahad di bangunan Pertubuhan Orang Buta Malaysia (MAB) di Brickfields.

"Setakat ini kita telah mempunyai keahlian seramai 70 orang manakala Pertis di seluruh negara juga turut menganjurkan kelas yang sama di kawasan masing-masing," katanya.



NOR SALIZA bersama rakan sekerja di Persatuan Orang-Orang Cacat Islam Malaysia (Pertis) di Gombak, Selangor.

WALAUPUN cacat penglihatan Nor Saliza cekap mengendalikan mesin cetak bagi sistem Terjemahan Duxbury Braille.

Penyambung cetakan al-Quran Braille

Cacat penglihatan tidak halang Nor Saliza sediakan bahan bacaan Braille

rezeki kota

Oleh **SITI AIRUNNISA ALAUI**
airunnisa.alau@utusan.com.my

LANGKAHNYA laju ke hulu ke hilir. Tangannya pula cekap menekan butang arahan sambil memasukkan helaian kertas ke dalam mesin pencetak. Jari-jemarinya juga sedikit pun tidak kekok mengendalikan papan kekunci komputer.

Daripada menaip bahan bacaan Braille menggunakan perisian Terjemahan Duxbury Braille (DBT) menggunakan komputer bersuara sehinggalah menyusun dan menjilidkan naskhah, kerja-kerja itu dilakukan **Nor Saliza Jusoh**, 25, bersendirian sejak tiga tahun lalu.

Istimewanya, kesemua kerja itu dilakukan tanpa bantuan deria penglihatan kerana Nor Saliza adalah orang kurang upaya (OKU) apabila dia mengalami kebutaan sejak daripada kecil kerana menghidap katarak kronik.

Apa yang mengagumkan, sepanjang saya melihat dia menjalankan tugas, anak gadis ini langsung tidak kekok melaksanakan kerja-kerjanya. Malah tidak sekalipun dia melanggar pintu, mesin, kerusi dan meja yang berada di bilik sempit menempatkan enam buah mesin pencetak Braille moden iaitu *embosser*.

Setiap langkahnya seolah-olah dikira, setibanya di depan pintu pejabat Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis) yang terletak di No. 32A, Tingkat 1, Jalan Jernai 6/21D, Medan



NOR SALIZA JUSOH tekun melakukan kerja-kerja menterjemah al-Quran Braille.

Idaman, Gombak, Selangor, tangannya lalu memulas pantas tombol-pintu tanpa teragak-agak.

Menurut Nor Saliza, dia sudah biasa dengan keadaan itu menyebabkan langkahnya serta susun atur perabot dan barangan di pejabat berkenaan sudah diketahuinya jika tiada yang mengalihkannya.

Pun begitu, akuinya, pada awal penglibatan bersama persatuan berkenaan, setiap hari ada sahaja yang dilanggarnya.

Jika tidak perabot, pasti 'kemalangan' dengan rakan-rakan sekerja lain berlaku memandangkan semua pekerja di Pertis adalah OKU cacat penglihatan dan hanya seorang pekerja yang celik di premis berkenaan yang bertugas sebagai kerani.

Menceritakan bagaimana memulakan kerjaya sebagai individu yang mencetak bahan bacaan Braille di Pertis, jelas anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan itu, selepas menamatkan persekolahan di Sekolah Menengah Princess Elizabeth di

Johor, dia berhijrah ke Kuala Lumpur.

Dia mengikuti pelbagai kursus antaranya, kursus menggunakan komputer untuk OKU seperti perisian DBT dan perisian JAWS (boleh mengeluarkan suara).

Bermula daripada situ, kemahiran yang diperoleh memberi kelebihan padanya apabila diterima bekerja di Pertis tiga tahun lalu sebagai pembantu penerbitan.

Antara lain tugasnya adalah mencetak dan menerbitkan bahan bacaan Braille untuk OKU cacat penglihatan seperti al-Quran, buku motivasi, buku keagamaan, buku jawi, muqaddam, iqra', buku himpunan tajwid serta buku teks sekolah.

Menurut Nor Saliza, proses mencetak bahan bacaan Braille tidak lama, tetapi perlu dilakukan berhati-hati agar tidak berlaku kesilapan terutama dalam pencetakan al-Quran sama ada kesilapan muka surat, kedudukan kertas terbalik serta kerosakan pada mana-mana tulisan Braille.

"Saya menggunakan perisian Jaws (perisian komputer bersuara) yang membolehkan ayat al-Quran dipaparkan di skrin dan akan dibaca terlebih dahulu untuk memastikan tiada kesilapan. Sistem Jaws juga membaca ayat yang tertera di skrin komputer apabila kursor terkena mana-mana ikon.

"Setelah memastikan tiada kesalahan, ayat-ayat rumi akan dihantar dan disimpan dalam perisian DBT dengan tujuan menterjemahkan huruf rumi ke huruf Braille dan akhir sekali, baharulah dicetak melalui mesin *embosser*.

"Biasanya 30 juzuk al-Quran dapat disiapkan dalam tempoh 30 jam, jika mesin tidak mengalami sebarang masalah. "Selepas dicetak, saya akan

mengumpulkan helaian naskhah Braille itu mengikut turutan yang dibahagikan kepada enam jilid.

"Selepas dipastikan turutan muka surat betul dan naskhah tiada kesilapan, barulah saya satukan semua juzuk mengikut jilid sebelum ditebuk lubang untuk dimasukkan gelang (*ring*) sebelum menyerahkan al-Quran tersebut kepada pelanggan.

"Bagi mengelakkan kesilapan, lazimnya saya akan memeriksa sekali lagi bersama pelajar-pelajar praktikal yang mempunyai kemahiran membaca tulisan Braille dari Universiti Sains Islam Malaysia," katanya.

Ujarnya, sebagai individu yang menyambung tugas dalam pencetakan al-Quran di Pertis, Nor Saliza amat berbangga kerana dapat mewarisi tugas yang diamanahkan daripada individu pertama yang menyalin al-Quran Braille ke dalam bentuk data komputer (*soft copy*) daripada awal hingga akhir iaitu Muhammad Lee Abdullah yang juga salah seorang ahli Pertis.

Jelas Nor Saliza, tidak sukar menjadi orang cacat penglihatan jika jiwa dan hati 'celik' serta mempunyai keazaman untuk terus hidup seperti hamba Allah yang lain.

Ini kerana, mata yang tertutup tidak menghalang otak dan anggota badan lain untuk bergerak.

Berpegang kepada prinsip itulah, Nor Saliza enggan berputus asa dengan takdirnya dilahirkan buta yang tidak boleh lagi disembuhkan dan berusaha agar dia mempunyai kemahiran seperti insan normal.

"Pasti ada yang akan bertanya-tanya, mengapa penerbitan ini tidak diserahkan kepada pekerja yang celik sahaja kerana lebih mudah. Jawapan saya senang, kerana orang buta juga boleh buat apa yang orang celik lakukan cuma perlu diberi peluang.

"Kerjaya sebagai penerbit tidak sukar kerana ketika ini teknologi canggih menyediakan perisian untuk golongan OKU telah ada. Apa yang penting hanya memerlukan kemahiran dan OKU itu perlu ada usaha untuk mempelajarinya," jelasnya.

Menariknya, sejak terlibat dalam penerbitan al-Quran, jiwa Nor Saliza berasa tenang dan hairannya gaji yang diperoleh setiap bulan sebanyak RM900 tidak pernah kering walaupun ada kalanya telah habis digunakan. Mungkin itulah yang dikatakan berkat.

Gambar **ZAINI HUSSIN**